

# AKADEMI SENI KEBANGSAAN

mempersembahkan  
bangsawan

## Haris Fadillah

arahan

A. Rahman B.

Henyangi Undangan  
Aspalela Abdullah

Saksikan kisah & tauladan  
dikala sabar menduga sabar  
siapa menjual siapa terjual  
ketika petua memberi bekal  
di situ unisik dijawab akal



AKADEMI SENI KEBANGSAAN



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN  
KESENIAN DAN PELANCONGAN  
MALAYSIA

AUDITORIUM  
BESAR, MATIC  
JALAN AMPANG

16-19 MEI 1997  
8.30 MALAM  
TIKET: RM10



18 MEI 1997  
3.00 PETANG  
TIKET: RM5



Untuk keterangan  
lanjut sila hubungi:  
AKADEMI SENI KEBANGSAAN  
TEL: 03-2649180

Haris Hadillah

## B A N G S A W A N

BANGSAWAN merupakan teater dalam genre popular yang dibawa ke Tanah Melayu sekitar tahun 1880an. Ia dikenali dengan nama wayang Parsi yang digerakkan oleh tenaga pementasan dari India. Bertapak di Pulau Pinang, bangsawan kemudiannya berkembang ke seluruh Malaysia sehingga tertubuhnya sejumlah kumpulan bangsawan yang tumbuh bagaikan cendawan. Bangsawan mengecapi zaman kegemilangannya pada awal abad kedua puluh, iaitu sekitar tahun 1900 hingga 1945.

*(Bangsawan is a form of operatic theatre which was brought to Malaya in the 1880's and became very popular. It was known as the "Wayang Parsi" as many of the earliest performers were from India. Beginning in Penang, Bangsawan later spread throughout Malaya with many multi-racial bangsawan groups in existence. Bangsawan is commonly regarded to have reached its glory in the years between 1900 and 1945)*

**Jangan ketinggalan  
bersama kekalkan seni warisan**



## OBJEKTIF PEMENTASAN BANGSAWAN


Pementasan Bangsawan oleh pelajar-pelajar Akademi Seni Kebangsaan adalah projek tahunan yang mesti dilalui oleh pelajar-pelajar tahun dua. Produksi ini merupakan satu proses pembelajaran di mana aspek teori dan praktikal di dalam kelas mahu pun studio dialihkan kepada produksi yang sebenar. Langkah ini diharapkan dapat menarik minat pelajar untuk mengenali dan menjiwai seni warisan bangsa sendiri.

Pendedahan secara langsung ini juga diharapkan dapat memberi idea kepada pelajar dan masyarakat terhadap seni warisan bangsawan yang suatu ketika dulu telah memulakan kegiatan seni pentas secara komersial. Sejarah bangsawan yang unik kerana menempuh zaman jatuh dan banggunya perlu diambil iktibar dan dijadikan sandaran bagi menggerakkan produksi teater Malaysia secara lebih terarah dan dinamik.

## TUJUAN

Melalui pementasan Bangsawan, muzik, nyanyian, tarian, lakonan dan lawak jenaka adalah penampilan seni yang menghiburkan disebalik mesej tersirat di dalam dialog yang diucapkan secara berirama dan kadang kala puitis. Kelicikan penari dan pelakon serta keharmonian muzik di atas pentas adalah didokongi bersama oleh pengerjaan kreatif di belakang pentas. Ukiran set, lakaran latar dan teknik menurun serta menarik tirai mahu pun kesan visual seperti petir dan api, merupakan teknologi kreatif orang-orang bangsawan terdahulu. Sumber teknologi kreatif yang diterapkan lama inilah yang perlu digali semula dan dijadikan panduan untuk meraih kemahiran penggunaan teknologi yang lebih canggih masa kini.

Bermula dari yang ada, supaya lebih mempunyai jiwa Malaysia, seni bangsawan adalah teater tradisional yang paling tepat untuk menjana segala aspek seni persembahan yang disebutkan. Jika pada tahun 1996, ASK telah memulakan dengan produksi Bangsawan RAJA LAKSAMANA BENTAN, kali kedua ini Bangsawan HARIS FADILLAH terpilih. Semua pelajar tahun dua dari semua Jabatan akan terlibat.



Haris Fadillah

## ALUAN PENAUANG

MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA.



*Assalamualaikum w.b.t*

Malaysia sebenarnya kaya dengan pelbagai bentuk kesenian. Salah satu yang unik adalah teater bangsawan. Keindahan seni teater bangsawan dapat dilihat daripada susunkata yang berirama, muzik yang bergema, aksi yang spontan dan struktur persembahannya.

Kita tidak mahu mengimbau zaman keruntuhan bangsawan kerana itu amat memilukan. Kejadian sedemikian adalah pengajaran untuk kita elakkan. Teknologi waktu itu tidak secanggih waktu ini. Maka tugas kita mencari satu teknologi baru untuk memartabatkan bangsawan yang kaya dengan unsur-unsur kekaguman. Sementara tokoh-tokoh terdahulu masih ada, usaha menyusur galurkan riwayat bangsawan pastinya tugas yang sepatutnya dipikul oleh semua pihak yang mahukan seni ini tidak pupus. Cabaran inilah yang sedang dilakukan oleh Akademi Seni Kebangsaan(ASK). Langkah ini sepatutnya diberi sokongan dan dorongan.

Syabas kepada ASK kerana meneruskan bangsawan sebagai program tetap setiap tahun. Bangsawan "Haris Fadillah" diharapkan dapat mengajak masyarakat menilai dan menerima semula teater tradisional yang sepatutnya menjadi warisan bangsa.

Selamat maju jaya. Sekian, terima kasih.

**DATO' SABBARUDDIN CHIK**

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.**



Haris Fadillah

## BICARA PENASIHAT

MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA.



*Salam sejahtera.*

Laluan masih panjang untuk memamatkan seni berjiwa Malaysia. Sumbangan kreatif dan inovatif perlu ditunjukkan oleh generasi muda untuk menagani kesenian bangsa yang sedia ada. Kesedaran inilah menyebabkan Akademi Seni Kebangsaan terpanggil untuk menjadikan teater tradisional sebagai acara tahunan yang perlu mengisi kegiatan seni.

Setahun sekali, persembahan bangsawan diusahakan oleh penuntut-penuntut di tahun kedua ASK. Walaupun ia merupakan sebahagian daripada kerjakursus, penglibatan pelajar-pelajar ASK menampakkan kesungguhan. Hasilnya pada tahun lalu mereka berjaya mementaskan Bangsawan “Raja Laksamana Bentan” dan kali ini akan mengemukakan Bangsawan “Haris Fadillah”. Pendekatan awal ASK kepada pelajar-pelajar bersifat pendedahan, kemudian mendekati dan menghayati. Seterusnya apabila tamat pengajian nanti, mereka diharapkan dapat menjadi pengamal atau penerap elemen-elemen teater tradisional melalui karya-karya terbaru mereka.

Semoga usaha ini dapat diteruskan sebagai kegiatan seni yang berwawasan. Sekian.

A handwritten signature in black ink, consisting of stylized letters and a horizontal line underneath.

DATUK ISMAIL ADAM

*Ketua Setiausaha,*

*Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.*



## KATA-KATA PERANGSANG



Teater Bangsawan sering memaparkan cerita-cerita fantasi bersulamkan pengajaran moral yang disempurnakan dalam bentuk ringan dan menghiburkan. Cerita sejarah raja-raja juga turut popular sesuai dengan makna bangsawan itu sendiri yang mengheret kepada kehidupan istana. Namun kemewahan istana sering dipertemukan dengan penderitaan rakyat biasa. Di sinilah percantuman masyarakat dapat dilihat dan secara halus mengajak kita menilai akan peradaban yang cuba dipamerkan melalui bangsawan. Teater Bangsawan juga dapat dilihat dari aspek latarhias yang dipaparkan melalui “backdrop” atau tabir yang dilukis mengikut suasana tempat. Set yang berukir dan kostum yang beraneka ragam. Kemahiran sebeginilah sewajarnya dijadikan contoh tauladan dalam mengerjakan seni terbaru.

Bangsawan “Haris Fadillah” menjadi titik tolak kepada pelajar-pelajar tahun dua ASK merealisasikan sejarah lalu ke alam realiti terkini. Berbekalkan pengetahuan secara teori dan latihan intensif di studio, pementasan “Haris Fadillah” adalah latihan praktikal yang menguji ketahanan pelajar-pelajar berdepan dengan khalayak menyampaikan ilmu melalui pementasan. Kesungguhan menyempurnakan kerja-kerja pra-produksi pastinya akan mempamerkan hasil cemerlang.

Kembalikan jatidiri kepada budaya tradisi. Bangsawan sebagai seni warisan hendaklah ditangani dengan hati terbuka. Usaha pasti jaya.

**DATO' TENGGU ALAUDIN TENGGU ABDUL MAJID**

Timbalan Ketua Setiausaha,



Haris Fadillah

## AMANAT WAWASAN



ASK akur, menerima seni tradisional sebagai satu ketetapan wajib bagi semua pelajar-pelajarnya. Selain mengajar pelajar-pelajar menilai dan berkreaitif dari asas budaya peninggalan terdahulu, penglibatan mereka di dalam seni tradisional adalah menempatkan wasiat kepada warisnya. Usaha ini adalah satu pengiktirafan kepada budaya milik sendiri.

Ketika di dalam keghairahan debat mengenai budaya asing, sehingga kini mengheret budaya “punk”, ada baiknya teater tradisional kita yang tidak kurāng fantasi dan keunikan didekatkan kepada remaja. Bangsawan adalah antara kesenian yang dimaksudkan. Pelajar ASK adalah remaja yang diharapkan menyemai semangat cintakan akar kita.

Bangsawan bukan sahaja berfungsi sebagai alat berkomunikasi tetapi secara meluas boleh diperpanjangkan menjadi sumber ekonomi dan teknologi. Terpulang kepada kita untuk mengurus dan mengatur strategi sehingga bangsawan kembali menjadi seni yang bermartabat. Bangsawan “Haris Fadillah” adalah sumbangan kecil ASK tetapi positif untuk menyokong terhadap perkembangannya.

Bersama memartabatkan seni budaya bangsa. Bangsawan warisan kita.  
Terima kasih.

**MOHD. SUKARNO HAJI ABDUL WAHAB**

Pendaftar/Ketua Penolong Pengarah,  
Akademi Seni Kebangsaan.



Haris Fadillah

## WADAH PENGARAH KREATIF



BANGSAWAN *Haris Fadillah* adalah pementasan kedua saya bersama Akademi Seni Kebangsaan. Sebelum ini Raja Laksamana Bentan. Bekerja dengan generasi muda amat mencabar sekali. Namun hasilnya cukup melegakan untuk saya boleh mengatakan ada bakal pewaris bangsawan masa depan. Kerajinan mereka berlatih menunjukkan mereka tekun mempelajari ilmu bangsawan. Kesungguhan ini memberi keyakinan kepada saya, satu hari nanti bangsawan akan menjadi milik mereka.

Syabas kepada ASK yang berusaha menghidupkan bangsawan seterusnya mengundang saya menjadi tenaga pengajar serta memberi peluang untuk mengarah. Terima kasih saya rakamkan kepada semua yang turut menjayakan produksi ini. Semua usaha sebegini dapat diteruskan di masa akan datang.

Sekian, selamat menonton.



**A. RAHMAN HAJI ABU BAKAR**  
Pengaruh Bangsawan *Haris Fadillah*.



**ATURCARA PEMENTASAN  
BANGSAWAN HARIS FADILLAH**

- JURU ACARA
- GURINDAM
- LOCENG DIBUNYIKAN 3 KALI
- LAGU PEMBUKAAN BANGSAWAN
- EXTRA TURN SAYA INGAT SEORANG 1 ♡ U
- JURUACARA
- BABAK SATU
- PERSEMBAHAN SOLO
- BABAK DUA
- PERSEMBAHAN SOLO DUA
- BABAK TIGA
- EXTRA TURN ALI BABA Rumba Rhythm
- BABAK EMPAT
- PERSEMBAHAN SOLO TIGA
- BABAK LIMA
- PERSEMBAHAN SOLO EMPAT
- BABAK ENAM
- PERSEMBAHAN SOLO LIMA
- BABAK TUJUH
- LAGU PENUTUP BANGSAWAN

Lagu 'Zaman'  
- Sei Laylat  
- Keroncang



## SINOPSIS BANGSAWAN HARIS FADILLAH

Sultan dan permaisuri terlalu sayang kepada puteranya Tengku Haris Fadillah. Malangnya Tengku Haris bersama anak-anak menteri dan panglima hanya tahu bersuka ria bersama gadis-gadis pewara di Gedung Batu. Apabila Sultan mendapat perkhabaran ini baginda merasa dukacita. Supaya Haris lebih bertanggungjawab, Haris dikahwinkan dengan Siti Zawiah anak saudara Juragan Ishak tetapi masih meneruskan perangai lamanya. Siti Zawiah seorang perempuan yang bijak lagi mulia. Dia yang diajar oleh seorang nenek tentang ilmu bersuami sedikit pun tidak menceritakan keburukan suaminya. Apabila Sultan tahu kedudukan, baginda memerintahkan Tengku Haris ke Pulau Surati supaya belajar ilmu memerintah negeri. Sewaktu hendak berangkat Siti Zawiah berpesan supaya Tengku Haris membelikannya akal dengan harga 4 dinar. Manakala pewara-pewara Gedung Batu memesan barang hiasan dan pakaian. Setelah tamat pengajian dan siap membelikan pesanan pewara Gedung Batu, Tengku Haris masih tidak menemui akal yang dipesan oleh Siti Zawiah sehinggalah datang seorang tua yang bukan saja menjual akal tetapi juga menegur kesilapannya. Haris ingin mencari kepastian lalu menyamar menjadi peminta sedekah ke Gedung Batu tetapi tidak dilayan. Sebaliknya bila dia ke istana, Siti Zawiah melayannya dengan baik malah mengenalinya. Haris menyesal dan kembali kepangkuan isterinya.

### LOKASI BABAK HARIS FADILLAH

- Babak 1 : Lokasi di dalam istana
- Babak 2: Lokasi dalam rumah Juragan Ishak
- Babak 3: Lokasi Istana Tengku Haris
- Babak 4: Lokasi di Gedung Batu
- Babak 5: Lokasi di luar istana
- Babak 6: Lokasi di Gedung Batu



Haris Fadillah

## KISAH HARIS FADILLAH

Baris mula pembuka kata  
Baris dua bermula cerita  
Bagai kias di inderaloka  
Begitu kisah ingin diwarta

Haris Fadillah Siti Zawiah  
Dua nama penyeri kisah  
Suami isteri diulit gundah  
Seorang berperi seorang resah



Haris Fadillah muda bistari  
Kesayangan raja juga permaisuri  
Sayang laku tak seindah peri  
Dinyah Sultan ke pulau Surati

Siti zawiah berpesan akal  
Akal berharga 4 dinar  
Peri wadah kiasan cekal  
Mengajar suami mencari benar

Jika intan bersalut kaca  
Ada kiasan dibalik durja  
Siapa tercela siapa berharga  
Kala jua penentu jaja

Nenek telah memberi petua  
Pengembara pula pengingat alpa  
Harta bukan nilai bahgia  
Akal jua penyuluh jiwa

Oleh Rosminah Mohd.Tahir - ASK/April 1997



BARISAN PELAKON HARIS FADILLAH

Sultan Shabudin	:	Sabri Ahmad	Dayang-dayang Raja	:	Roshayati Sahin
Permaisuri	:	W. Zalina Rajali		:	Maimun V.M. Mamu
Tengku Haris Fadillah	:	Syed Mustapha Syed Yasin		:	Nor Azlina Hamid Manan
Siti Zawiyah	:	Rosmalinda Abu Samah		:	Yuni Nor Leitey Yunus
Juragan Ishak	:	Mohd Irizal Husni Musa		:	Afna Juitarina Ali Amberan
Siti Rabiah	:	Nuzilawati Husin		:	Saliza Ali
Menteri Jaafar	:	Abdul Raffar Mohamed		:	
Isteri Menteri Jaafar	:	Zainatul Shuhaida Abdul Rahman	Panglima Raja	:	Mas Dzulfadzli Saei
Datuk Panglima Iskandar	:	Abdul Hamid Chan		:	Mohd Ya Latif
Datuk Panglima Nasir	:	Wilson Jong Vui Khiun		:	Musaffah Roslan
Musafir	:	Sabri Mohd Zain		:	Hasmadi Hassan
Nenek	:	Rosnani Ripin		:	
Aisyah	:	Afiza Abdul Aziz	Ketua Perompak	:	Hazli Hassan
Bentara	:	Atiansa @ Mardhiyyah Mohd Salleh		:	
<b>Pewara Gedung Batu</b>			Perompak	:	Japrin Kapis
Siti Habibah	:	Rohimi Sobeng		:	Jamaludin Ahmed
Siti Farah	:	Dorothy Jonathan		:	Wan Kenari Ibrahim
Siti Bariah	:	Khor Jee Fei		:	M. Nasri Ayub
Siti Dahlia	:	Susan Sarah John	Juruacara	:	Rosman Ishak
Siti Awana	:	Siti Awan Rebu	<i>Sabri + Saliza</i>	:	
Siti Jawahir	:	Juanita Ismail	Pemuzik	:	Mohd Nasir Ataelah
Siti Maisyara	:	Azura Abal Abas		:	Syed Hamid Syed Hussin
Dayang Gedung Batu	:	Rezawati Razali		:	Kamarul Hussin
	:	Junainah M. Lojong		:	Eric Kok Keng Hock
	:	Suhaila Sulaiman		:	Chong Saw Fan
	:	Noraini Harun		:	Zamrus Hashim
	:			:	Suflan Faizal Arshad
	:			:	Ng Yuet Sum
	:			:	Jayakumar a/l Balakrishnan



## LATAR PARA PELAKON



Sabri Ahmad wajar dikenali penulisan kreatif ilmu didalam Maulana Shahibudin watak ditangani persembahan bangsawan teater tradisi



Wan Zalina Razali gelaran diberi novelis termasyhur menjadi impian dunia bangsawan menyebatkan diri mendokong watak permaisuri penyayang



Syed Mustafa asal namanya dunia tarian jurusan diceburi Haris Fadillah putera maulana watak utama menguji diri



Siti Zawiyah nama tercipta alim orangnya berbudi bahasa Rosmalinda Abu Samah empunya nama menjadi gandingan kepada wiranya



Seni penulisan medan adanya Abdul Raffar nama berdaftar dalam bangsawan turut bersama membawa watak menteri Jaafar



Zainatul Shuhaida nama terperi jurusan penulisan pilihan utama menghayati watak isteri menteri membawa junjungan sireh dari istana



Juragan Ishak bergeliga otak dunia niaga medan utama Irizal Hosni pemegang watak di bidang muzik ingin ternama





Seulas pinang Nuzilawati kacipkan dari Inderapura mendalami penulisan sireh beradat Siti Rabiah sembahkan berperanan sebagai isteri juragan



Panglima Iskandar peranan diri Mengiringi wira ke Pulau Suranti Hamid Chan nama sejati jurusan tari tumpuan diberi



Tugas utama mengiringi putera begitu peranan Panglima Nasir Wilson Jong Vui Khiun nama tertera jurusan muzik tidak dapat disisir

Malim segak kakak membujang pelakon utama drama bangsawan Muallim bijak watak dipegang konon Samoza nama julukan


Cik Siti Wan Kembang asalnya negeri Rosnani Ripin diberi gelaran Penulisan kreatif ilmu dicari watak nenek di dunia bangsawan



Afiza Abdul Aziz nama dikenali piano dan serunai sangat disayangi segala perintah hamba patuhi Siti Aisyah watak didukung

Negeri Terengganu asalnya diri karyawan unggul ingin dicita itulah Atiansa nama diberi dayang bentara penyampai berita

Pagi Khamis detik kelahiran Norazlina Hamid mempunyai diri



# Haris Fadillah



Negeri Perak kelahiran diri  
bidang penulisan tumpuan diberi  
dayang istana sebagai penyeri  
Roshayati Sahin menguji diri

Dari sepang hamba kemari  
khidmat hamba dayang istana  
nama Maimun hamba bangga  
warga ASK di tahun dua



Perompak bernama Ardan Janggi  
di dalam hutan tempat bersemadi  
merompak harta punca rezeki  
saksikanlah nanti kewibaaan Bob Hazli

Japrin Kapis, Jamaludin Ahmed  
Wan Kenari Ibrahim dan M. Nasri Ayub  
di produksi Haris Fadillah memberi khidmat  
di beri watak perompak tidak menepis



Di Gedung batu menjadi pawana  
menggoda manja kepada si putera  
inginkan harta tak mahu si papa  
Khor Jee Fei, Rohimi, Siti Awana  
Dorothy, Susan, Juanita, Azura  
menimba ilmu di tahun dua

## Haris Fadillah

Penuh minat bangsawan dihayati  
mengubah lagu muzik bergema  
Abdun Nasir Ataallah pertama mengetuai  
Eric Kok dan Yuet Sum bersama-sama

Bergaya sungguh pemuzik bangsawan  
tanpa mereka pentaskan suram  
perkenalkan Zamrus, Chong Saw Fan dan Sufflan  
juga Tuan Syed Hamid bermain drum  
Kamarul Hussin dan Eric bermain percussion  
bergabung dengan Jaya, Nasir dan Ng Yuet Sum

### KOIR

SHARON CHENG  
WONG POH LEE  
LOO SHU CHIN  
FOO MEI SHANG  
HARLINA KASSIM

### PENYANYI SOLO

CIK ROHIMI SOBENG - Ayu Syuhira  
CIK JUANITA ISMAIL - Sobri  
EN. ISMADI MOHD. DAN WAKIRI - Fauzi, Aidil,  
EN. ZULKIFLI MOHD.

### PENYANYI UNDANGAN

PUAN ASPALELA ABDULLAH

### PEMBACA GURINDAM

PUAN ROHANI B.



# Haris Fadillah

## TENAGA PRODUKSI HARIS FADILLAH

Penyelaras Projek:

Cik Rosminah Mohd Tahir ✓

Pengurus Produksi:

Cik Ann Lee

Pembantu Pengurus Produksi:

Cik Juanita Ismail Zul

Pengarah Kreatif:

Encik A.Rahman B

Pengarah Muzik:

En. Ahmad Sharif Shah

Penolong Pengarah:

Tuan Syed Abd.Hamid Isuom

Penggubah Lagu:

En. Abdun Nasir Attaellah Syed & Isyahan

En. Eric Kok Keng Hock

Cik Ng Yuet Sum

Koreografer:

Puan Norsiah Yem A pns / Linda

Guru Vokal:

Cik Leow Puay Tin

Penyelaras Muzik:

En. Ridzuan Salam

Penyelaras Publisiti & Pemasaran:

YM Raja Nor Sheela Raja Iziddin

Pembantu Publisiti & Pemasaran:

Cik Susan Sarah John Naly

En. Abdul Raffar Mohamed CT

Cik Low Mung See Jenni

En. Mohd Arifwaran Helogah

En. Mohd Ismadi Mohd.Dan Wakiri

Cik Jeanie Lin Ching

Cik Siti Aniszuana Hj Bahran.

Cik Wan Norsiah Wan Abdullah

Penyelaras Teknikal:

En. Zaifri Husin Zain

Pengurus Pentas:

Cik Dorothy Jonathan Nuri

Pembantu Pengurus Pentas:

Cik Rahimah Shamsuddin. Ra.

Penata cahaya:

En. Azizul Zahid Jamal Neman

Pembantu Penatacahaya:

En Mohd Irizal Husni Musa Koz.f  
Cik Zainatul Shuhaida Abdul Rahman



# Haris Fadillah

## Pembantu Kostum:

Cik Nurzilawati Husin *AHS*  
Cik Siti Awan Rebu *129*  
Cik Roshayati Sahin *Ami*  
Cik Maimun V.M. Mamu *Dayaf*  
Cik Mardiana Ismail *Ayu*  
Cik Cheng Swee Chern *Azmi*  
Cik Harlina Mohd Kassim *budak Th 3 masnita*

## Logistik:

Cik Afiza Abdul Aziz *Syaf*  
Cik Rohimi Sobeng *Rian*  
Cik Nor Azlina Hamid Manan *Yen*  
Cik Khor Jee Fei *IS*  
Cik Masnitawati Aladin  
Cik Rasidah Bte Ludin  
Cik Kemelia Suria

## Pembantu Solekan:

Cik Azura Abal Abas *Ans*  
Cik Yuni Nor Leytei Yunos *budak Th 3*  
Cik Afna Juitarina Ali Ambran  
Cik Saliza Ali

## Pembantu Latar Hias & Set:

En. Hazli Hassan *Din*  
En. Wilson Jong Vui Khiun *Koma*

## Pembantu Prop:

En. Abdul Hamid Chan *Ans*  
Cik Atiansa @ Mardhiyyah Mohd.Salleh  
Cik Rosnani Ripin *Nabe*

## Pembantu Pentas:

*(crew) + Th 1  
+ Th 3*

En. Azaha Othman  
Cik Siti Rohana Abdul Jalil  
Cik Lena Farida Hussain Chin  
Cik Engku Normalareesa Engku Malik  
Cik Azrina Talib  
Cik Foo Mei Shang  
Cik Wong Poh Lee  
Cik Yap Ying Mien  
Cik Liong Wai Leng  
En. Wan Kenari Ibrahim  
En. M. Nasri Ayob  
En. Jamaluddin Ahmad  
En. Leornard Yeap Lin Soon.

## Runner:

*Yaran  
Th 1*

Cik Wan Hazelinda Mohamed *Sham*  
Cik Ooi Swan Swan *Donovan*  
Cik Sabilah Kadir  
En. Japrin Kapis



Haris Fadillah

## DI BELAKANG TABIR

### **PENYELARAS PROJEK** ROSMINAH MOHD. TAHIR

Tangkas cergas semangat berani pada teater cinta bersemi Lantai T. Pinkie arahan terkini Cucu dan Anugerah sebelum ini mengurus mentadbir anak-anak seni Penolong Pengarah di Akademi

Jabatan Teater urusan harian mengajar di UM secara sambilan menulis skrip jadi kegemaran ceramah bengkel turut dikendalikan sesekali berlakon boleh tahan kerjanya cepat tak suka perlahan

### **PENGURUS PRODUKSI** CIK ANN LEE

Pengarah Urusan jawatan utama Kualiti Works nama syarikat di TV2 membaca berita di luar negara cukup lama di dalam negeri mengasah bakat mengarah menulis banyak cerita

Happy Families, Colour Blind dan KL-KO  
SUKOM 98, SIRIM, Wawasan 2020





**PENGURUS PENTAS** *Nura*  
*CIK DOROTHY JONATHAN*

Gadis Iban dari Sarawak ke ibu kota menuntut ilmu teater bukan minat yang lawak ingin diteroka tanpa jemu



**PENATA CAHAYA** *Namron*  
*ENCIK AZIZUL ZAHID JAMAL*

Pada mulanya beliau "peniaga" di ITM menimba ilmu entah macam mana jadi orang seni pula di belakang tabir tiada yang tahu



**PENYELARAS KOSTUM**  
*CIK HANISA HASSAN, Rosman*

Kecil molek senyum selalu hari-hari bergelumang baju selesai belajar terus jadi guru anak murid Najib gitu

**GURU VOKAL**  
*CIK LEOW PUAY TIN*

Urusan suara serah padanya sakit atau cedera dia turut terasa dulu wartawan kini menulis juga "A Modern Woman" antara yang ternama



## KONSEP

### POSTER & BUKU CENDERAMATA

Cik Susan Sarah John *mely*  
Abdul Raffar Mohamed

**PAMERAN** *Cujie, Alon, Duit, Emela, Rime*  
En.Mohamad Ariffwaran Shahrudin

### FOTOGRAFI *(Euzendy)*

En. Zaman Sulieman  
Cik Rosminah Mohd.Tahir



Haris Fadillah



**PENGARAH KREATIF**  
**A. RAHMAN B.**

**N**ama penuh beliau ialah Abdul Rahman Bin Haji Abdul Bakar. Dilahirkan pada 18 Mei 1935 di batu 4, Kapar, Klang Selangor Darul Ehsan. Beliau kini bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Teater Akademi Seni Kebangsaan pengkhususan Teater Tradisional Bangsawan. Darah seni bangsawan yang dimiliki adalah warisan dari bapanya A. Bakar M yang pernah menjadi tuannya kumpulan bangsawan Rahman Star Opera of Kelang yang kemudiannya pada tahun 1954 kumpulan ini bertukar nama kepada "Bangsawan Bintang Timur".

Setelah berpengalaman dengan melibatkan diri bersama beberapa buah kumpulan bangsawan yang lain, pada tahun 1956 Rahman B telah menubuhkan Persatuan Bintang Timur dan bertindak sebagai Di Pertua. Meski pun kegiatan bangsawan merosot sekitar tahun 1970an, beliau meneruskan usaha menghidupkan bangsawan melalui Pentas Bergerak FELDA ke seluruh negara. Diikuti dengan pementasan bangsawan yang diterbitkan oleh Televisyen Malaysia (RTM) dan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), disamping filem terbitan Merdeka Studio dan usahasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Beliau berkerja dengan syarikat HVD sebelum menumpukan sepenuh masa mengajar di ASK. Baginya, penglibatan sebagai tenaga pengajar di Akademi Seni Kebangsaan adalah peluang untuknya menyemarakkan kembali tradisi bangsawan. Ilmu bangsawan yang diajarkan kepada pelajar-pelajar ASK bukan sekadar lakonan atau dialog semata-mata, bahkan seni silat dan seni tukang yang digunakan di dalam cerita-cerita bangsawan di sekitar tahun 1940an hingga 1970an.

Penerusan cintanya kepada bangsawan dapat dilihat melalui koleksi khazanah bangsawan yang disimpan rapi sejak keterlibatannya di dunia bangsawan. Sebahagian sudut rumahnya adalah mini muzium bangsawan yang tidak putus dikunjungi oleh para ilmuan dan pengkaji seni warisan bangsawan.

Pada tahun lalu, Rahman B dengan jayanya telah membimbing pelajar-pelajar sesi 94/95 mementaskan P... Dalam pementasan tersebut beliau bertindak sebagai pengarah. Secara peribadi... mementaskan bangsawan Haris

**PENOLONG PENGARAH**  
SYED HAMID SYED HUSSIN

*En - Rozalee Zainal Abidin*



ANAK kelahiran Pulau Pinang ini mula melibatkan diri dalam dunia bangsawan sejak tahun 1946. Datuknya, Allahyarham Pak Saenan adalah seorang pengarah bangsawan manakala ibunya Allahyarhamah Zaharah Agus pernah bergelar Sri Panggung (Perimadona) dan penyanyi terkenal di tanah air. Syed Hamid telah mengikuti bangsawan sejak mudanya dan pernah bergelar "Orang Muda Bangsawan". Beliau pernah menjadi pengarah dan penulis skrip untuk beberapa buah pementasan bangsawan.


Kumpulan bangsawan yang pernah diikuti oleh beliau adalah GRAND NORAN OPERA, ARJUNA BANGSAWAN, SENTOSA OPERA, CINDERELLA BANGSAWAN, MERAH EMAS BANGSAWAN dan BINTANG TIMUR BANGSAWAN. Kemerosotan bangsawan di dunia pentas tidak mematikan aktivitiinya didunia bangsawan. Beliau telah beralih ke bangsawan terbitan Televisyen Malaysia (RTM) dan Sistem Televisyen Berhad (TV3). Kini beliau adalah salah seorang tenaga pengajar Jabatan Teater Akademi Seni Kebangsaan pengkhususan Teater Tradisional - Bangsawan.

**KOREOGRAFER TARI**  
NOORSIAH IBRAHIM



BELIAU lebih dikenali dengan nama Noorsiah Yem. Mula mengenali bangsawan sejak usia lima tahun lagi. Pendedahan awal ini diperolehi daripada kedua ibubapanya yang merupakan dua tokoh bangsawan yang mengerakkan kumpulan bangsawan GRAND NORAN OPERA awal tahun 1930an, iaitu Pak Yem dan Minah Ketot. Di usia remajanya, Noorsiah Yem telah mengukir nama sebagai Sri Panggung.


Bersama CATHAY KRIS FILEM PRODUCTION (Singapura) beliau bukan sahaja menjadi pelakon malah menjadi guru tari dalam beberapa cerita filem. Pada tahun 1968, beliau berhijrah pula ke Kuala Lumpur dan masih mengajar tarian. Kebolehannya sebagai koreografer tari telah membawa dia dan ibunya Minah Ketot diberi penghargaan mengajar tarian kumpulan tarian Diraja di bawah naungan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra AlHaj. Kumpulan ini sering mengadakan persembahan di istana dan diluar negara. Kini beliau adalah salah seorang tenaga pengajar kursus bangsawan di Akademi.



Haris Fadillah

## PERLAKSANAAN DAN PENGURUSAN ASK

- Penaung: YB Dato' Sabbaruddin Chik  
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
- Penasihat: Ybhg. Datuk Ismail Adam  
Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
- YM Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid  
Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
- Penerbit: Encik Mohd Sukarno Haji Abdul Wahab  
Pendaftar Akademi Seni Kebangsaan
- Penolong Penerbit: Cik Rosminah Mohd. Tahir  
Penolong Pengarah I Jabatan teater
- Kewangan: En. Rodzuan Ismail  
Penolong Pengarah Kewangan
- En. Murtaza Salmi Zainal Abidin  
Penolong Pegawai Tabir ASK
- Panggung: En. Ridzuan Salam *a En. Amir*  
Penolong Pengarah I Jabatan Muzik
- Pameran: En. Shaffrin Sabri  
Penolong Pengarah III Jabatan Muzik
- Publisiti/Pemasaran: Pn. Raja Nor Sheela Raja Aziddin  
Penolong Pengarah Perhubungan dan Pemasaran
- Protokol/Jemputan: Cik Soraya Mansor *a cik mariani*  
Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar
- En. Mohd Radzi Omar





## Haris Hadillah

Pengangkutan: En. Amir Hakim Yusof *Amir Yusof*  
Penolong Pengarah II Jabatan Muzik

En. Zulkarnain Ramly  
Penolong Pengarah II Jabatan Tari

Teknikal: En. Zaifri Husin  
Penolong Pengarah II Jabatan Teater

En. Suhaimi Magi  
Penolong Pengarah I Jabatan Tari

Dokumentasi: En. Abd Manap Abd Hamid *Manap Hamid*

En. Abd Aziz Abd Rahman  
Penolong Pengarah II Pengurusan

Khidmat Sokongan: Puan Romaini Md. Nor  
En. Jali Nazri Jaafar  
Puan Thalathiah Awang  
En. Adly Karim  
Cik Rohsenai Lizei Nadzir  
Cik Hasinah Abdul Karim  
Cik Norazimah Mohd Yusof  
En. Nazri Abdullah

### PENGURUSAN MATIC

Pengarah: En. Mohamed Juhari Haji Shaarani

Pegawai Penyelaras: En. Lokman Ab Ghani  
En. Mohd Amran Nasarudin

Teknikal: En. Abdullah Shukri  
En. Dzulkarnain Md Aris  
En. Zulkeflee Husin  
En. Mohd Halimi Hassan  
En. Sulaiman Ismail





Haris Fadillah

## MAJLIS AKADEMI SENI KEBANGSAAN

### **Pengerusi**

Ybhg. Datuk Ismail Adam  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan  
Pelancongan

### **Timbalan Pengerusi**

YMDato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid  
Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan  
Pelancongan

### **Setiausaha**

Pengarah Akademi Seni Kebangsaan

Penolong Setiausaha  
En. Mohd Sukarno Haji Abdul Wahab  
Pendaftar Akademi Seni Kebangsaan

### **Ahli**

Ybhg. Datuk Dr. Mazlan Ahmad  
Ketua Pengarah Perkhidmatan  
Jabatan perkhidmatan Awam

Ybhg. Encik Ali Bahari  
Wakil Ketua Setiausaha  
Kementerian Kewangan

Ybhg. Dato' Talaat Haji Toh Hussain  
Wakil Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan

Ybhg. Tan Sri Dato' Awang Had Salleh

Ybhg. Dato' Hassan Ahmad

Ybhg. Prof. Dr. Mohd Anis Md Nor


Ybhg. Prof. Dr. Tan Sooi Beng

Ybhg. Dr. Ariff Ahmad

Ybhg. Puan Faridah Merican

Ybhg. Encik Johari Salleh

Ybhg. Encik Shariff Ahmad



Haris Fadillah

## Penghargaan

KEMENTERIAN KEWANGAN

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

POLIS DIRAJA MALAYSIA

PANGGUNG NEGARA

KOMPLEKS MATIC

RTM

TV 3

AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN

KUALI WORKS SDN. BHD.

COMFOCUS SDN. BHD.

SEMUA PENSYARAH ASK

SEMUA PELAJAR PROGRAM DIPLOMA ASK

**Akar keladi melilit selasih  
selasih tumbuh di hujung taman  
kalungan budi junjungan kasih  
mesra kenangan sepanjang zaman**





Haris Fadillah

**BERSAMA KAMI LAGI....**

**Festival Tari Kebangsaan**

1 - 7 Jun 1997

**Akar dan Titik**

22-25 Jun 1997

**Bengkel Teater**

Oktober/November

**Bengkel Solek & Kostum**

Disember 1997

Dapatkan maklumat

di

**Akademi Seni Kebangsaan**

**139 Jalan Ampang**

**50450 Kuala Lumpur**

